

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

RMK 151 Ekonomi Bangunan I

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. DUA soalan dari Bahagian A dan TIGA soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

1. Permintaan bagi barang-barang utama ternyata kurang anjal terhadap harga berbanding dengan permintaan bagi barang-barang keluaran industri.

Ulaskan.

( 20 markah )

2. (a) Apakah ekonomi campuran?

( 5 markah )

- (b) Apakah faktor-faktor ekonomi yang mewujudkan ekonomi campuran?

( 5 markah )

- (c) Bezakan antara sistem ekonomi "laissez faire" dan sistem ekonomi sosialis.

( 10 markah )

3. (a) Huraikan perbezaan antara bayaran pindahan dan sewa ekonomi.

( 5 markah )

- (b) Huraikan perbezaan antara kadar faedah wang dan kadar faedah benar.

( 5 markah )

- (c) Huraikan faktor-faktor yang boleh menyebabkan kadar faedah berbeza-beza.

( 10 markah )

... 2/-

Bahagian B

4. Dari pembacaan anda, bincangkan sejauh mana pernyataan di bawah ini boleh diterima:

"Industri binaan hanyalah berbeza dari industri lain kerana sifat industri binaan itu sendiri"

( 20 markah )

5. Permintaan perumahan oleh sesuatu isirumah hanyalah dipengaruhi oleh paras pendapatan. Bincangkan pernyataan ini.

( 20 markah )

6. Dengan bantuan gambarajah dan carta,uraikan konsep teori pencepatan (accelaration principle) dan kegunaannya.

( 20 markah )

7. Uraikan ciri-ciri industri pembekalan bahan dan pentingnya industri ini kepada industri binaan.

( 20 markah )

8. Uraikan teori dasar fiskal dan bagaimana dasar ini dapat mempengaruhi industri binaan.

( 20 markah )

- 00000000 -